

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 25.11.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penambahbaikan Kementerian bagi pelaksanaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dilaksanakan dengan tujuan untuk mengukur sejauh mana calon telah dapat menguasai kemahiran 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul selaras dengan objektif Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), iaitu kurikulum baharu yang dilaksanakan mulai tahun 2011. Keputusan UPSR merujuk kepada tahap pencapaian akademik di akhir pendidikan sekolah rendah, dan bukan merujuk kepada lulus atau gagal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan yang dilakukan ialah format baharu UPSR mulai 2016 memberi penekanan kepada penguasaan literasi, numerasi dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menjadi hasrat utama kurikulum kebangsaan pendidikan

rendah. Di samping itu juga, penguasaan ini dilihat sebagai asas kepada pembangunan kemahiran serta keupayaan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam penyelesaian masalah, penaakulan dan kreativiti.

RJM61